



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.10 (78)
Tarikh : 24 Mac 2025

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 1
TAHUN 2025**

**PELAKSANAAN DOKUMEN PENJAJARAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH
RENDAH (SEMAKAN 2017) EDISI 3 BAGI MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU
DAN BAHASA INGGERIS TAHAP 1**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan pelaksanaan Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Tahap I.

2. Mesyuarat Jemaah Menteri Bilangan 4 pada 24 Januari 2024 memutuskan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu merancang inisiatif bagi menangani isu keciciran termasuk keciciran pembelajaran. Selaras dengan keputusan dalam mesyuarat berkenaan, KPM telah menyediakan Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) Edisi 3 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris (BI) untuk Tahap I. Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 melibatkan pengemaskinian dan penyusunan semula kandungan mata pelajaran BM dan BI Tahap I bagi membantu guru merancang kaedah bersesuaian seterusnya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

3. Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 ini disediakan sebagai **pilihan** kepada guru dalam melaksanakan kurikulum sekolah rendah. Dokumen ini boleh digunakan bersama-sama dokumen yang berikut:

3.1 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (Semakan 2017);

3.2 Modul Bimbingan (MOBIM);

3.3 *Scheme of Work* (SoW) bagi BI; dan/atau

3.4 bahan sokongan lain mengikut keupayaan murid.

4. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017 bertarikh 2 November 2016.

5. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.


6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia